

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
TARIKH :
SOALAN : 527

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana mengatasi masalah bekalan doktor dan ahli farmasi yang berlebihan di Malaysia. Apakah langkah akan diambil untuk menjamin peluang pekerjaan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **antara langkah** yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah bekalan doktor dan ahli farmasi yang berlebihan di Malaysia yang masih menunggu penempatan bagi menjalani latihan siswazah adalah dengan **melaksanakan lantikan kontrak kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi mulai 1 Disember 2016** sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016. Pelaksanaan pelantikan secara kontrak ini adalah **berikutan peningkatan keluaran graduan sama ada dalam dan luar negara dan kekangan jawatan tetap**. Pelantikan secara kontrak ini adalah tertakluk kepada **syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa**

menimbang iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pihak berkuasa melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Namun KKM hanya menyediakan slot latihan siswazah berdasarkan kapasiti dan keupayaan Hospital Latihan Siswazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, graduan perubatan boleh membuat permohonan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) secara atas talian dan calon-calon yang telah dilantik oleh SPA akan diberikan penempatan oleh KKM mengikut sesi pengambilan yang diadakan secara berfasa setiap 2 bulan.

KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah dan Klinik Kesihatan terpilih untuk menempatkan lebih ramai lagi PPS. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan mempunyai 46 buah Hospital Latihan Siswazah (termasuk 3 Hospital Pengajar iaitu HUSM, HUKM dan PPUM). Program latihan siswazah yang mengandungi 6 posting juga telah ditambah kepada 9 posting di mana pada tahun 2010, posting Anestesia telah diperkenalkan sebagai salah satu posting pilihan (selain Perubatan Kecemasan). Pada tahun 2014 pula, posting Kesihatan Primer dan Psikiatri telah diperkenalkan di mana PPS adalah ditempatkan ke Klinik Kesihatan dan Institut Mental bagi menjalani posting tersebut.

Bagi mengatasi masalah kebanjiran graduan perubatan juga, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuat kuasakan untuk tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016 dan kemudian dilanjutkan untuk lima (5) tahun iaitu mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua (2) perkara iaitu tiada program perubatan yang baharu di

peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Bagi keluaran graduan luar negara pula, ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian.

57

Tuan Yang Dipertua,

Bagi **graduan farmasi pula**, langkah-langkah tambahan yang diambil bagi mengatasi masalah penempatan adalah seperti berikut:

- (i) Dasar **liberalisasi perkhidmatan farmasi**, calon boleh memohon pekerjaan dan menjalani latihan *Provisionally Registered Pharmacist (PRP)* 515 premis liberalisasi tanpa perlu dilantik oleh SPA. Pegawai Farmasi yang memilih menggunakan dasar ini tidak perlu memohon kepada SPA untuk berkhidmat dengan premis tersebut. Lembaga Farmasi Malaysia juga telah meluluskan 128 fasiliti Klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk calon menjalankan latihan PRP sepenuh masa setelah dilantik oleh SPA.
- (ii) Selain itu, Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) juga sedang mengkaji kesesuaian latihan PRP dimasukkan ke dalam kurikulum ijazah sarjana muda Farmasi bagi mengatasi masalah penempatan latihan siswazah ini dan juga moratorium bagi ijazah pertama.

521
SOALAN (532)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING YEW
[SIBU]**

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAU YEW [SIBU] minta PERDANA MENTERI menyatakan impak pelaburan China kepada ekonomi Malaysia jangka masa pendek dan panjang. Adakah daya persaingan ekonomi Malaysia telah merosok berbanding dengan Thailand, Vietnam, Cambodia dan Indonesia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan untuk mendapatkan sumber untuk menentukan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Di dalam suasana keadaan persekitaran luar yang tidak menentu, terutamanya apabila ekonomi-ekonomi utama kini bersifat lebih "*inward-looking*", Kerajaan telah berjaya menarik pelaburan-pelaburan besar dari negara rakan dagang bagi projek-projek infrastruktur. Kerajaan juga meneliti cadangan projek-projek berkenaan bagi memastikan kemasukan pelaburan luar akan menjana kesan limpahan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Dari segi kedudukan daya saing negara, Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaya saing jika dibandingkan dengan beberapa negara lain di rantau ASEAN. Berdasarkan Laporan *World Bank Doing Business 2017*, Malaysia menduduki tempat yang ke-23 daripada 190 negara. Kedudukan ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Thailand (ke-

46), Vietnam (ke-82), Indonesia (ke-91) dan Cambodia (ke-131). Sementara itu, Malaysia juga merupakan negara ke-24 paling berdaya saing daripada 63 negara dalam Laporan *IMD World Competitive Centre's World Competitiveness 2017*, lebih baik jika berbanding dengan Thailand (ke-27) dan Indonesia (ke-42). Manakala dalam *World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2016-2017* pula, negara telah mendapat kedudukan ke-25 daripada 138 buah negara. Kedudukan ini adalah lebih baik jika berbanding dengan pencapaian Thailand (ke-34), Indonesia (Ke-41), Vietnam (Ke-60) dan Cambodia (ke-89). Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa daya saing negara adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian negara Thailand, Vietnam, Cambodia dan Indonesia.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017